

PERWATAKAN “ABDULKADIR” DALAM DUA CERPEN THAI: SUATU PERBANDINGAN

(Abdulkadir Character in Two Thai's Short Stories: A Comparison)

Abdul Razak Panaemalae
pabdul.razak09@gmail.com

Universiti Walailak
Nakhon si Thammarat, Thailand.
Tel.: +6675672721

Abstrak

Makalah ini membincangkan secara perbandingan terhadap dua cerpen Thai. Cerpen pertama berjudul “*Maew Haeng Bukit Krueso*” (Kucing Bukit Krueso) oleh Kanokpong Songsompant. Cerpen kedua pula berjudul “*Tawan Chon Saeng*” (Mentari Memancar Sinar) oleh Narongrit Sagdaronnarong. Kedua-dua cerpen ini mempunyai persamaan dari segi tema dan watak. Tema yang diangkat oleh kedua-dua cerpen ini ialah konflik keganasan yang berlaku di daerah penempatan masyarakat Melayu Muslim selatan Thailand. Kedua-dua cerpen ini menampilkan watak Abdulkadir sebagai watak utama. Dengan tema dan watak yang sama namun cerpen ini diolah dan digarap dalam nada yang berbeza. Perbezaan yang nyata didapati dari segi perwatakan yang ditampilkan oleh kedua-dua cerpenis ini. Makalah ini menganalisis perwatakan Abdulkadir secara perbandingan dalam kedua-dua cerpen ini.

Kata kunci: Melayu Patani, selatan Thailand, konflik, keganasan, Abdulkadir, kajian perbandingan

Abstract

This paper discusses two Thai short stories. The first short story is entitled “Maew Haeng Bukit Krueso” (Cat Hill Krueso) by Kanokpong Songsompant. The second short story is “Chon Saeng Tawan” (The Sun shine) by Narongrit Sagdaronnarong. Both of these stories have similarities in terms of theme and character. The theme of both stories is the violence as a result of conflict in the Malay-Muslim community dominated area of southern Thailand. Both stories featured Abdulkadir as the main character. While sharing the same theme and character, both stories are dealt with in different ways and have a different tone. Significant differences were found in

terms of the character presented by both short story writers. This paper analyses the character of Abdulkadir in both short stories.

Keywords: Pattani Malays, southern Thailand, conflict, violence, Abdulkadir, comparative study

PENDAHULUAN

Pergolakan di Patani sering menjadi isu dan mendapat liputan yang luas dalam media Thai. Pelbagai media memanipulasi isu Patani sebagai bahan paparan umum. Selain untuk mendapatkan publisiti, liputan ini juga bertujuan untuk memaparkan peristiwa sebenar yang berlaku di wilayah selatan Thailand.¹ Demikian juga dalam kalangan para penggiat seni dan sasterawan Thai yang turut peka terhadap apa-apa yang berlaku di kawasan tersebut. Isu pergolakan Patani cepat tertangkap oleh sentuhan minda kreatif dalam kalangan mereka.

Makalah ini membicarakan dua buah karya cerpen Thai yang mengangkat isu yang sama, iaitu krisis dan pergolakan politik di selatan Thailand. Dua buah cerpen yang terpilih untuk pembicaraan ini ialah cerpen “*Tawan Chon Saeng*” (Mentari Memancar Sinar) karya Narongrit Sagdannarong² dan “*Maew Haeng Bukit Krueso*” (Kucing Bukit Krueso) karya Kanokpong Songsompant.³

Yang menariknya dua buah cerpen ini, selain memperkatakan isu yang sama, kedua-duanya menamakan watak penting masing-masing dengan nama Abdulkadir. Namun, meskipun ada persamaan dari segi nama tetapi persepsi cerpenis ternyata jauh berbeza. Perbezaan ini berpunca daripada faktor latar belakang sosial dan sikap peribadi antara kedua-dua cerpenis, atau kemungkinan lain yang membentuk dan mempengaruhi pemikiran mereka berdua.

LATAR BELAKANG KEDUA-DUA CERPENIS

Secara umumnya, terdapat dua kelompok penulis Thai yang sering menulis tentang perihal masyarakat Melayu Patani. Pertama, kelompok luar, iaitu golongan penulis yang bukan berasal dari selatan Thailand tetapi mereka amat peka dan prihatin terhadap isu masyarakat Melayu Patani. Dalam erti kata lain, mereka berasal dari daerah lain namun sering merakamkan peristiwa tentang Melayu Patani baik dalam bentuk cerpen, novel atau puisi. Kepekaan mereka itu disebabkan rasa tanggungjawab selaku seorang penggiat seni atau sasterawan untuk memaparkan peristiwa dalam bentuk kreatif. Sebahagian besar daripada mereka pernah bermukim di selatan Thailand dalam jangka waktu tertentu. Bahkan ada juga sebahagiannya menetap terus di selatan Thailand.

Kelompok kedua pula ialah golongan penulis yang memang berasal dari kawasan selatan Thailand. Mereka ini dapat dikategorikan lagi kepada dua puak, iaitu Melayu-Muslim dan bukan-Melayu-Muslim. Narongrit Sagdannarong ialah penulis atau sasterawan kelompok pertama, beliau berasal dari daerah lain, daerah timur laut, dan bukan anak jati selatan (Thailand) namun pada suatu ketika Narongrit pernah menghuni di Patani untuk beberapa jangka masa. Narongrit seorang guru yang dihantar oleh kerajaan pusat untuk bertugas dan mengajar bahasa Thai kepada anak-anak Melayu di sekolah sekitar Patani. Semasa di Patani itulah Narongrit menghasilkan puluhan karya, baik dalam bentuk novel mahupun cerpen secara prolifik berkenaan masyarakat Melayu Patani. Cerpen “*Tawan Chon Saeng*” dalam makalah ini juga termasuk salah satu daripadanya.

Sementara itu, Kanokpong Songsompant merupakan “anak selatan” yang tulen. Kanokpong dilahirkan dan dibesarkan di Phattalung. Meskipun Kanokpong bukan berturunan Melayu-Muslim namun Kanokpong cukup peka dan prihatin terhadap isu masyarakat Melayu-Muslim. Hal ini berkemungkinan disebabkan Kanokpong sendiri mempunyai ramai kenalan dan sahabat handai dalam kalangan orang Melayu Patani. Dari segi geografi, wilayah Phattalung terletak bersempadan dengan negeri yang majoritinya terdiri daripada masyarakat Melayu-Muslim. Dalam erti kata lain, Phattalung masih dalam lingkungan budaya Melayu. Maka, tidak hairanlah terdapat banyak watak Melayu yang muncul dalam cereka nukilan golongan sasterawan Phattalung, antaranya yang perlu disebut di sini ialah Phaitoon Tan-ya yang pernah memenangi Anugerah S.E.A. Write Award untuk karya monumentalnya “*Ko Kong Sai*” (Membina Timbunan Pasir) pada tahun 1987.⁴

Maklumat latar sosial dan sejarah hidup penulis adalah penting kepada para pembaca dalam menilai karya mereka secara adil dan saksama, dan sekali gus pembaca dapat menjiwai cerita dengan lebih terkawal dan mendalam.

RASIONAL PEMILIHAN CERPEN

Makalah ini merupakan suatu usaha untuk memperlihatkan realiti masyarakat yang terpancar melalui fiksyen. Sungguhpun realiti dalam fiksyen bukan realiti sebenar, hanya cereka yang tertakluk pada konvensional, namun, nilai yang ada dalam fiksyen tidak sama dengan nilai realistik yang berlaku dalam kehidupan. Tegasnya, fiksyen dan realiti merupakan dua dunia yang berlainan. Dalam maksud yang lain, meskipun *real* wujud dalam sastera, tidak ada hubungan dan kaitan dengan realiti kehidupan sebenar.

Akan tetapi, kajian ini melihat bahawa pancaran nilai yang ada pada sesebuah karya sastera itu merupakan gambaran kepada realiti sosial. Dari situ akan cuba

dianalisis untuk menemukan pemikiran yang sekali gus akan menemukan hasrat, nawaitu, dan wawasan yang tersirat di celah-celah ungkapan. Dari situlah dapat dipertemukan antara fiksyen dengan gambaran realiti yang berlaku.

Berdasarkan kerasionalan inilah cerpen ini dianalisis dalam upaya untuk mengaitkannya dengan keadaan semasa yang berlaku di selatan Thailand (Patani). Seperti yang telah dinyatakan di atas, cerpen merupakan genre sastera yang tertakluk pada ciri-ciri konvensional sebuah karya sastera. Namun kajian ini cuba untuk mencari nilai realiti yang dicipta untuk dikaitkan dengan realiti yang ada.

SEKELUMIT TENTANG FIGURA “ABDULKADIR” DALAM SEJARAH PERJUANGAN POLITIK MELAYU PATANI

Sebelum dilakukan analisis terperinci terhadap perwatakan Abdulkadir dalam kedua-dua cerpen ini, adalah relevan dalam konteks perbincangan ini jika dikaitkan watak sebenar yang wujud dalam sejarah perjuangan dan politik Melayu Patani. Hal ini demikian kerana apabila membaca kedua-dua buah cerpen ini masyarakat Patani akan segera teringat kepada sekurang-kurangnya dua tokoh Patani yang terlibat secara langsung dalam sejarah perjuangan dan politik Melayu Patani. Meskipun dua tokoh ini tidak ada kena-mengena dengan watak Abdulkadir dalam kedua-dua buah cerpen itu namun disebabkan isu dan temanya secara langsung menyentuh tentang pergolakan dan krisis politik di selatan Thailand (Patani), maka adalah wajar jika dikaitkan dengan watak yang pernah wujud dalam sejarah. Apatah lagi nama mereka sering meniti di bibir orang tempatan dan awam. Semasa hayat kedua-dua tokoh ini sangat terkenal kerana keterlibatan mereka sebagai pembela Melayu Patani. Tokoh yang dimaksudkan itu ialah, pertama, Tuanku Abdul Kadir Kamaruddin, dan kedua, ialah Tuan Guru Haji Sulong Abdul Kadir.

Kepada pengkaji sejarah, khususnya sejarah Patani, agak mustahil jika tidak pernah mendengar nama-nama besar ini yang menjadi pelaku secara langsung dalam pergolakan politik Patani. Raja Abdul Kadir Kamaruddin diingati kerana baginda merupakan raja dan pemerintah terakhir bagi kerajaan Patani sebelum Patani jatuh ke tangan Siam secara total selepas Perjanjian Bangkok antara Siam-British pada tahun 1909. Apatah lagi, setelah kemangkatan baginda, perjuangan mempertahankan kedaulatan Patani diteruskan oleh anakandanya, iaitu Tengku Mahmood Mahayyudin yang berkarisma dan berkaliber memainkan peranan sebagai pewaris takhta Melayu Patani (Mohd. Zamberi, 1999). Hal demikian ini, menambahkan lagi ingatan orang awam terhadap nama “Abdul Kadir” itu sendiri (Nik Anuar, 1999).

Demikian juga kepada Tuan Guru Haji Sulong Abdul Kadir, walaupun namanya Haji Sulong namun nama bakanya ialah Abdul Kadir, yang seolah-olah menambahkan

satu lagi entri kepada kumpulan nama Abdul Kadir. Nama ini sering pula diingati sebagai nama besar dalam perjuangan Melayu Patani. Apatah lagi, peristiwa Haji Sulong ditangkap oleh penguasa Thai atas tuduhan subversif. Hal ini memudahkan orang ramai untuk mengingatnya. Apabila beliau mati dibunuh oleh pihak penguasa Thai secara kejam, maka peristiwa ini sukar dilupakan oleh semua anak bangsa Melayu Patani.

Nama kedua-dua tokoh ini menjadi sebutan dan sentiasa meniti di bibir orang ramai. Pada sisi pihak kerajaan Thai kedua-dua tokoh ini diingati sebagai penentang atau penderhaka kerana sikap mereka tidak mahu mengalah serta menentang dasar kerajaan Thai. Sementara itu, pada pihak penduduk tempatan (orang Melayu Patani) mereka menganggapnya wira sejati kerana telah sanggup berkorban jiwa dan raga demi mempertahankan kedaulatan bangsa Melayu.

Atas hal yang demikianlah nama Abdul Kadir sentiasa segar dalam memori orang Melayu Patani, dan juga sentiasa menghantui pemikiran kerajaan dan orang Thai secara umum. Bahkan tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa nama Abdul Kadir itu sinonim dengan sejarah perjuangan dan politik rakyat Melayu Patani. Sehubungan itu, nama figura Abdul Kadir ini mahu tidak mahu akan disebut dari satu generasi ke satu generasi. Malahan nama mereka diabadikan dalam lipatan sejarah.

Oleh hal yang demikian, secara langsung atau tidak, agak mustahil jika para pengkaji sejarah atau orang asing yang bertandang ke selatan Thailand, khususnya mereka yang berminat dan cenderung kepada pengkajian sejarah politik tempatan, tidak tahu menahu tentang nama besar ini. Penulis beranggapan bahawa Narongrit dan Kanokpong juga turut terkesan dengan nama besar ini melalui pembacaan dan penelitian mereka terhadap sejarah tempatan atau setidak-tidaknya hal ini didengari melalui suara tempatan yang bergema dari semasa ke semasa. Dalam maksud kata lain, agak mustahil jika kedua-dua mereka ini langsung tidak pernah mendengar suara teriakan anak-anak tempatan yang sentiasa menyebut-nyebut nama besar ini. Sebagai sasterawan sudah tentu hal-hal sebegini segera menyentuh emosi halus mereka dan digarap sehingga menjadi cerpen atau novel. Akan tetapi, tampaknya watak Abdul kadir di tangan dua orang cerpenis ini mempunyai ciri-ciri perbezaan yang sangat ketara seperti yang akan diperkatakan selanjutnya.

PERBANDINGAN DUA PERWATAKAN ABDULKADIR DALAM CERPEN “*TAWAN CHON SAENG*” DAN “*MAEW HAENG BUKIT KRUESO*”

Daripada penelitian didapati bahawa perwatakan Abdulkadir dalam cerpen “*Tawan Chon Saeng*” karya Narongrit Sagdannarong dan perwatakan Abdulkadir dalam cerpen “*Maew Haeng Bukit Krueso*” karya Kanokpong Songsompant sangat ketara

perbezaannya. Meskipun kedua-dua buah cerpen ini mengangkat tema yang sama, iaitu tema perjuangan dan politik Melayu Patani di selatan Thailand, namun dari segi pemikiran kedua-duanya sangat berbeza. Perbezaan ini sangat jelas terpancar pada perwatakan Abdulkadir.

Abdulkadir dalam cerpen "*Tawan Chon Saeng*" karya Narongrit Sagdannarong digambarkan sebagai seorang manusia yang berwatak bengis dan kejam. Dia sanggup membunuh anak kandung dan keluarganya sendiri jika terpaksa, semata-mata demi suatu ideologi anutan perjuangannya. Ideologinya ialah pembebasan tanah air atau bumi tumpah darahnya daripada belunggu penjajah Siam-Thai. Untuk mencapai tujuan matlamat perjuangan itu dia tidak peduli kepentingan lain asalkan cita-cita perjuangannya terlaksana dan tercapai. Justeru, jika keadaan memaksa untuk dia bertindak kasar terhadap anak isteri sendiri dan melanggar peraturan kerajaan sekali pun dia akan melaksanakan jua asalkan dapat memenuhi cita-citanya. Dalam kata lain, dia lebih menyayangi perjuangan menuntut kemerdekaan tanah air berbanding anak kandung sendiri.

Dalam cerpen ini, pengarang memilih lokasi sekolah yang terletak di pinggir bukit dalam sebuah kampung apabila Abdulkadir berdepan dengan sekumpulan manusia yang menjadi cabaran kepada perjuangan politiknya. Lokasi ini sengaja dipilih untuk memudahkan dalam pencitraan perwatakan Abdulkadir sebagai manusia jahat yang hanya mementingkan diri sendiri. Bahkan dengan pencitraan begini dia akan lebih memberikan kesan yang mendalam kepada pembaca untuk mengenali perwatakan jahatnya secara dekat. Hari Abdulkadir turun daripada persembunyian di atas bukit berdekatan untuk "mengamuk" merupakan hari pihak sekolah bekerjasama dengan para doktor, serta sejumlah jururawat yang datang untuk memberikan rawatan kepada orang-orang kampung dan penduduk setempat. Imej dan perwatakan Abdulkadir dicitrakan sangat buruk apabila dia dan konco-konconya cuba menghalang rawatan itu atas alasan para guru, doktor dan jururawat mewakili pihak kerajaan.

Dilihat dari segi tindakan, memang Abdulkadir bertindak melampaui batas tatasusila sosial dan kemanusiaan. Kewarasannya sebagai bekas intelektual agama hilang setelah dirasuk oleh ideologi perjuangan menuntut pembebasan tanah air.

Abdulkadir dicitrakan sebagai ketua kepada sekumpulan gerakan gerila yang berjuang menentang kerajaan Siam-Thai untuk membela nasib bangsanya sendiri, dan gerakan ini beroperasi sekitar daerah tempatan. Sebagai ketua, Abdulkadir tampaknya tidak kompromi kepada mana-mana individu yang berdiri bersebelahan dengan mereka. Sasaran utama mereka ialah para pegawai kerajaan seperti guru yang dianggap menjadi ejen kerajaan pusat yang cuba menghakis budaya dan agama tempatan. Seajar itu, maka bangunan sekolah sering menjadi sasaran pembakaran.

Pada tanggapan mereka sekolah kerajaan memainkan peranan cukup penting dalam perubahan masyarakat. Untuk itu, maka sekolah dan guru sering menjadi mangsa.

Narongrit menempatkan Abdulkadir pada posisi atau sudut yang penuh dengan noda. Narongrit langsung tidak memberikan peluang kepada Abdulkadir untuk tampak sebagai manusia atau warganegara baik mengikut ukuran dan penilaian kerajaan. Dari segi lain, posisi begini lebih memudahkan dan menonjolkan peranan Narongrit sebagai seorang pegawai kerajaan dalam melaksanakan misi kesiamannya. Mengikuti alur cerita kita segera melihat kelibat Abdulkadir yang tidak berperikemanusiaan kerana cuba menghalang amal kebaikan yang hendak dilakukan oleh guru, doktor dan jururawat. Dalam masa yang sama semakin menonjol sikap keinsanan yang dimiliki oleh guru, doktor dan jururawat.

Abdulkadir dalam cerpen ini langsung tidak diberikan kesempatan untuk berbuat baik kecuali pada hujung cerita apabila dia mendengar tangisan bayi baru lahir dan mendapati bahawa ibu yang melahirkan anak itu ialah isterinya, maka Abdulkadir sedarlah bahawa bayi itu ialah anak kandungnya sendiri. Saat ini Abdulkadir menitiskan air mata sebagai tanda insaf atas perbuatannya selama ini. Pengarang seolah-olah mahu menyampaikan mesej bahawa tiada gunanya perjuangan Abdulkadir itu. Perjuangannya tidak mampu membaiki keadaan sebaliknya memburukkan lagi persekitaran. Kerana sikapnya (Abdulkadir) yang lebih mengutamakan misi perjuangan sehingga mengabaikan tugas sebagai seorang ayah atau suami, maka sudah sewajarnya dia menangis tanda syukur kegembiraan tatkala mendapati isterinya selamat melahirkan anak kandungnya. Itulah hutang budi tak ternilai yang Abdulkadir tidak mampu dibayar kepada kerajaan. Keadaan ini juga suatu tempelak terhadap sikap Abdulkadir yang mengangkat senjata bermati-matian melawan kerajaan namun anak dan isteri sendiri telah dibantu oleh kerajaan. Nampak benar betapa biadabnya sikap Abdulkadir terhadap penguasa/pemerintah Thai. Abdulkadir sepatutnya tidak mengganas melawan kerajaan tetapi sama-sama berganding bahu membangunkan negara.

Abdulkadir dalam cerpen "*Maew Haeng Bukit Krueso*" karya Kanokpong Songsompant ditampikan dalam citra yang lebih mesra berbanding Abdulkadir dalam "*Tawan Chon Saeng*" karya Narongrit Sagdannarong. Meskipun kedua-dua watak Abdulkadir merupakan ketua gerakan pemisah namun Abdulkadir di tangan Kanokpong tidak digeruni orang ramai sebaliknya dia dianggap sebagai wira. Jika pada kaca mata pihak kerajaan Abdulkadir merupakan penjahat atau penganas namun tidak pula halnya dalam kalangan penduduk tempatan yang rata-rata menganggap Abdulkadir sebagai pelindung, dan bukan penjahat yang bengis. Hal keadaan ini terserlah pada ungkapan:

“... dia mungkin menjadi seteru kepada negara tapi dia (Cikgu Farida) tidak percaya dia (Abdulkadir) menjadi musuh kepada mereka ...”

(Kanokpong: 1996:126)

“... itu adalah bapa kepada anak-anak di sini. Ia merupakan su dan wak kepada kanak-kanak Bukit Kerueso”

(Kanokpong: 1996:127)

Jika Narongrit melihat watak Abdulkadir dari sudut kaca matanya, yakni orang asing berpangkat pegawai kerajaan yang bertandang ke selatan Thailand dengan membawa misi untuk mengajar penduduk tempatan supaya menjadi warganegara Thai yang baik mengikut perlembagaan Thai namun tidak demikian halnya dengan Kanokpong.

Kanokpong cenderung menjiwai perasaan masyarakat tempatan dan kemudian diserlahkan. Dalam maksud kata lain, Kanokpong lebih melihat permasalahan dari dalam, bukannya dari luar. “Kanokpong” didapati lebih bersimpati dengan keadaan setempat. Dia jauh lebih peka dan mampu mendengar suara nurani penduduk tempatan berbanding “Narongrit”. Oleh itu, watak Abdulkadir ciptaan Kanokpong tidak sebengis dan sekejam Abdulkadir ciptaan “Narongrit”. Bahkan dia disayangi oleh semua, seolah-olah figura Abdulkadir menjadi harapan kepada penduduk setempat. Kemunculannya dinanti-nantikan mereka.

Pencitraan watak Abdulkadir oleh Kanokpong yang cukup ketara berbeza daripada watak Abdulkadir nukilan Narongrit ini berpunca daripada sikap keprihatinan dan kefahaman Kanokpong terhadap isu dan konflik yang berlaku. Berdasarkan penelitian yang dibuat terhadap cerpen ini terbukti bahawa Kanokpong sangat memahami warna setempat serta permasalahan yang berlaku. Kanokpong tidak mahu menggambarkan keadaan yang berlaku tetapi dia cuba membawa pembaca kepada pokok dan akar umbi masalah yang berlaku. Dengan itu, dia memilih untuk mengajak pembaca melihat permasalahan dari sudut kebudayaan. Tegasnya, bukan dari sudut politik. Oleh itu, warna budaya setempat cukup terserlah membumbui alur cerita sehingga plot cerita terjalin indah dan sungguh mesra.

Cerita yang sepatutnya bergelumang dengan keganasan serta konflik pemikiran politik bertukar menjadi sebuah cerita yang mesra pembaca, dan dalam waktu yang sama mempengaruhi pembaca untuk memahami punca permasalahan sebenar, iaitu konflik budaya dan bukannya konflik politik. Dengan kata lain, kefahaman terhadap budaya setempat jauh lebih penting dalam konteks penyelesaian krisis yang berlanjutan. Malah kegagalan memahami budaya tempatanlah yang menjadi punca berlakunya krisis demi krisis. Oleh itu, Kanokpong menyarankan agar pihak penguasa Thai wajar memahami terlebih dahulu budaya setempat sebelum menyogokkan mereka dengan pelbagai dasar yang sering bertentangan dengan naluri mereka.

Bukti lain yang menunjukkan bahawa Kanokpong cukup peka dengan naluri masyarakat Melayu Patani apabila salah seorang watak Melayu berkata perjuangan ini adalah "...demi Allah dan Abdulkadir..." (1996:139 dan 140). Allah di sini mewakili agama Islam, sementara Abdulkadir mewakili bangsa Melayu. Kedua-dua faktor ini menjadi kunci penting terhadap orang Melayu. Seajar dengan ini, maka Kanokpong seolah-olah mahu mengajak pihak kerajaan supaya mengkaji dan memahami dulu hasrat naluri penduduk setempat sebelum melakukan sebarang tindakan dalam usaha melaksanakan impian bangsa Thai. Mesej Kanokpong sangat halus dan tajam. Kegagalan memahami pegangan dan falsafah hidup Melayu Patani merupakan salah satu punca yang mengakibatkan konflik.

Satu ciri perbezaan lain antara Abdulkadir Kanokpong dengan Abdulkadir Narongrit yang perlu disentuh di sini ialah penampilan dan penonjolan watak ini. Jika dalam cerpen "*Tawan Chon Saeng*" karya Narongrit, Abdulkadir muncul di tengah-tengah masyarakat dan beraksi selaku watak utama sehingga terserlah amat akan kekejamannya selaku ketua pejuang pemisah. Namun sebaliknya, Abdulkadir dalam "*Maew Haeng Bukit Krueso*" karya Kanokpong. Sungguhpun Kanokpong tidak menampilkan Abdulkadir ditengah-tengah masyarakat bahkan susuknya langsung tidak muncul untuk beraksi tetapi figura Abdulkadir tetap berperanan menentukan hala tuju masyarakatnya. Watak lain beraksi bebas menurut kehendak hati, namun aksi mereka seolah-olah turut diperhatikan oleh Abdulkadir yang menghuni di Bukit Tok Mok. Dalam erti kata lain, tindakan mereka harus seajar dan selari dengan semangat perjuangan Abdulkadir.

Secara tidak langsung hal ini menunjukkan kesetiaan penduduk tempatan terhadap legenda pemimpin mereka (Abdulkadir) terus bersemarak. Walaupun ada antara mereka tidak pernah bertemu dan melihat dengan mata kepala sendiri akan susuk Abdulkadir namun kepercayaan dan kesetiaan tetap ada dalam sanubari mereka. Wajah Abdulkadir langsung tidak digeruni dan ditakuti oleh penduduk tempatan walaupun dia telah disenaraihitamkan oleh pihak penguasa Thai.

Tumpuan penceritaan lebih pada realiti yang berlaku yang berpunca daripada kesilapan dan kegagalan kerajaan dalam melaksanakan dasar yang tidak sesuai dengan cita rasa setempat, contohnya dasar penghantaran tentera untuk mengawasi kampung. Dasar ini dilihat sebagai kegagalan kerajaan kerana tidak memperbaiki keadaan, sebaliknya menambahkan kekusutan. Abdulkadir dihadirkan sebagai figura penting yang menentukan aksi watak lain. Dia menjadi tempat tercurahnya kesetiaan rakyat. Rakyat lebih yakin kepada Abdulkadir kerana dia lebih memahami mereka. Oleh itu, kesetiaan mereka kepada Abdulkadir tidak berbelah bahagi walaupun dipropagandakan dengan pelbagai ugutan yang menakutkan.

Di sini dapat dilihat bahawa Kanokpong seolah-olah mahu menyampaikan mesej kepada pembaca dan pihak yang terlibat terutama yang menggubal dasar supaya merenung tindakan mereka, serta mencari di mana silapnya, agar krisis tidak berulang dan berpanjangan. Saranan Kanokpong dalam hal ini merupakan cadangan yang sangat praktikal dalam konteks penyelesaian konflik yang belum berkesudahan antara Melayu Patani dengan penguasa Thai.

KESIMPULAN

Jelas terbukti bahawa antara perwatakan Abdulkadir ciptaan Narongrit dengan Abdulkadir ciptaan Kanokpong sangat berbeza. Yang satu ditakuti sementara yang satu lagi disanjung. Walhal, kedua-dua watak ini mempunyai kesamaan dari segi peranan sebagai ketua satu gerakan pemisah yang berjuang membela tanah air. Sebagai pejuang yang digambarkan berkumis tebal, berjambang dan berpakaian lengkap dengan peralatan senjata, serta mempunyai sejumlah pengikut yang sedia menurut perintah ketua, memang wajar ditakuti dan digeruni oleh orang awam. Namun ternyata bahawa figura begini tidak semuanya jahat dan buruk.

Jika Narongrit menampilkan watak Abdulkadir sebagai pejuang yang kejam dan ditakuti kerana sikapnya tidak berperikemanusiaan maka tidak demikian halnya dengan watak Abdulkadir ciptaan Kanokpong. Di tangan Kanokpong, Abdulkadir menjadi suri teladan kepada penduduk tempatan. Dia tidak digeruni dan ditakuti seperti Abdulkadir ciptaan Narongrit, sebaliknya didambakan.

Perbezaan perwatakan Abdulkadir ini antara lain disebabkan oleh pandangan dan pemikiran antara Narongrit dengan Kanokpong berbeza. Mereka melihat serta mempunyai tanggapan terhadap isu konflik di selatan Thailand dari sudut dan posisi yang berlainan. Kedua-dua cerpenis ini juga mempunyai latar hidup yang berbeza. Narongrit mewakili pihak kerajaan untuk merealisasikan dasar negara melalui aspek pendidikan. Oleh itu, Narongrit bertindak dan melihat dari kaca mata seorang pegawai kerajaan yang dibebani tugas untuk menyempurnakan visi negara. Maka,

apa-apa jua harus diukur daripada neraca negara. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa Narongrit merupakan duta kecil bagi pihak negara Thai untuk mendidik seluruh rakyat Thai tidak kira etnik keturunan agar menjadi warganegara yang baik mengikut perlembagaan negara Thai. Mana-mana tradisi yang sedia ada dianggap salah jika bertentangan dengan dasar yang telah termaktub. Dalam erti kata lain, Narongrit telah dibekalkan dengan alat timbangan bikinan penguasa Thai untuk menilai mana-mana warga yang wujud. Oleh itu, watak Abdulkadir ciptaannya adalah antara bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa figura yang bernama Abdulkadir menjadi “asing” menurut timbangan dan ukuran Narongrit.

Sementara itu, Kanokpong mempunyai tanggapan tersendiri dan unik. Hal ini mungkin disebabkan Kanokpong merupakan seorang seniman tulen yang bebas daripada mana-mana ikatan atau mana-mana pertubuhan kerajaan. Oleh itu, beliau bebas untuk memberikan pandangan tanpa pemantauan dan kawalan. Tambahan pula Kanokpong merupakan “anak selatan” yang dibesarkan dalam lingkungan budaya Melayu-Muslim. Meskipun Kanokpong bukan Melayu-Muslim namun setidak-tidaknya susuk peribadinya diserapi dan dipengaruhi oleh budaya tempatan. Sehubungan dengan itu, maka tidak hairanlah mengapa Abdulkadir ciptaannya tidak seganas Abdulkadir ciptaan Narongrit. Bahkan Abdulkadir ciptaan Kanokpong disayangi oleh penduduk setempat walaupun dia tidak disenangi oleh pihak penguasa Thai.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa antara kedua-dua cerpenis ini mempunyai tanggapan berbeza dalam isu konflik di selatan Thailand. Narongrit melihat isu dari kaca mata pihak kerajaan. Sementara itu, Kanokpong pula melihat isu yang sama dari kaca mata orang setempat. Watak Abdulkadir yang sungguhpun merupakan figura yang sama yang mewakili pejuang atau pembela tanah air namun setelah diberi ukuran yang berlainan neraca maka hasilnya juga berlainan, bergantung pada mata yang memandang.

NOTA

- 1 Dalam konteks yang lain disebut sebagai Patani.
- 2 Cerpen ini termuat dalam kumpulan cerpen *Yuegha Haeng Kal Wela* oleh Narongrit Sagdannarong (1990)
- 3 Cerpen ini termuat dalam kumpulan cerpen *Paen Din Eurn* oleh Kanokpong Songsompant (1996). Kumpulan cerpen juga telah memenangi anugerah S.E.A. Write Award tahun 1996.
- 4 Dalam cerpen ini terdapat banyak kisah yang mengungkapkan perihal golongan marhaen Melayu-Muslim.

RUJUKAN

- Kanokpong Songsompant, 1996. *Paen Din Eurn* (Bumi Lain). Pathumthani: Nakhon Publishing House.
- Mohd.Zamberi A.Malek, 1999. *Harimau Malaya: Biografi Tengku Mahmood Mahyiddeen*. Bangi: Penerbit UKM.
- Narongrit Sagdannarong, 1990. *Yuegha Haeng Kal Wela* (Mangsa Masa). Bangkok: Syarikat Ton-or Bhd.
- Nik Anuar Nik Mahmud, 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi: Penerbit UKM
- Nopporn Prachakul, 2009. *York Aksorn Yorn Khwam Kid*. Jilid 1. Bangkok: Arn Publishing House.
- Pichet Saengthong, 1997. *Watakam Wannakam* (Wacana Sastera). Mahasarakham: Penerbit Universiti Mahasarakham.